

UniKL MSI sedia jadi Pusat Kecemerlangan Automotif

KULIM 5 Okt. - Kerajaan diminta mempertimbangkan permohonan Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI) untuk diangkat menjadi Pusat Kecemerlangan Automotif bagi mengembangkan industri tersebut terutama di utara tanah air.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Teknologi Tinggi dan Sumber Tenaga Manusia negeri, Datuk Norsabrina Mohd. Noor berkata, sekiranya menjadi kenyataan, tindakan itu diyakini mampu memberi impak positif terutamanya kepada syarikat automotif antarabangsa yang berpusat di Gurun.

Tidak sekadar itu, katanya, manfaatnya juga akan sampai kepada kelompok individu yang gemar mengubah suai kenderaan selain mahasiswa terlibat.

"Kebanyakan mereka yang mengubah suai kenderaan ini mungkin kreatif dari aspek seni tetapi mengabaikan aspek kese-

lamatan. Jika UniKL MSI berperanan sebagai pusat kecemerlangan, mereka mungkin boleh membuat kajian dan memberi nasihat kepada pemilik kereta tersebut mengenai perkara terbaik yang perlu dilakukan.

"Selain itu, mahasiswa juga boleh dilibatkan dengan projek pengubahsuaian kereta berkenaan dan itu sudah tentu menjadi pengalaman berharga buat mereka untuk menghadapi dunia pekerjaan nanti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Karnival Auto 2015 UniKL MSI di sini semalam.

Yang hadir sama, Dekan UniKL MSI, Prof. Dr. Abu Talib Othman; timbalannya, Ir. Norhalimatul Sadiyah Kamaruddin serta Timbalan Dekan Akademik, Ir. Mohd. Nizam Ahmad.

Karnival yang diuruskan sepenuhnya oleh golongan mahasiswa itu berjaya menarik penyertaan lebih 2,000 kenderaan sekali gus

menarik kehadiran ribuan peminat automotif sepanjang dua hari pengajurannya.

Mengulas mengenainya, Abu Talib berkata, pihaknya sudah menghantar permohonan kepada kerajaan untuk menjadikan pusat pengajian itu sebagai Pusat Ujian Automotif dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11)

"Namun permohonan kami ditolak dan kami diminta untuk mengemukakan permohonan baharu apabila semakan dibuat nanti. Kami percaya, UniKL MSI memiliki segalanya untuk menjadi pusat ujian itu termasuk tenaga pengajar dan bidang pembelajaran berkaitan.

"Kita memerlukan pusat ujian bebas yang mampu meyakinkan negara luar mengenai kualiti sesuatu komponen atau sesebuah kenderaan. Setakat ini cita-cita kami sememangnya mendapat sokongan daripada syarikat automotif termasuk yang berpangkalan di Gurun," ujarnya.



NORSABRINA MOHD. NOOR menyampaikan hadiah kepada **Nasir Mat Zin** (kiri) dari Johor yang menjadi pemenang utama dalam kategori kereta Proton Extrim dalam Karnival Auto 2015 UniKL MSI di Kulim, Kedah, kelmarin.